



KOPERASI KOSWIP MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan pada Tahun 1923)
(KOPERASI KREDIT KAKITANGAN KERAJAAN, BADAN BERKANUN DAN GLC MALAYSIA)
Blok A-01-01 dan A-01-02, Pantai Business Centre,
Jalan Pantai Baharu, 59200 Kuala Lumpur


NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 100

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 100, Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad akan diadakan pada **28 Jun 2025 (Sabtu)** bersamaan **2 Muharam 1447H** jam **9.00** pagi bertempat di **Ballroom 1, Wyndham Grand Bangsar Kuala Lumpur, No. 1 Jalan Pantai Jaya, Tower 3, 59200 Kuala Lumpur**.

AGENDA

1. Mengesah Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 99 yang telah diadakan pada 29 Jun, 2024.
2. Menimbang Laporan Berkanun Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman dan Laporan Juruaudit Luar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2024.
3. Menimbang dan meluluskan akaun teraudit dan cadangan pembahagian keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2024 dan subsidiari-subsidiari Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad.
4. Memilih empat (4) orang Anggota Lembaga untuk tempoh tiga (3) tahun bagi mengisi tempat Anggota Lembaga yang tamat tempoh mengikut giliran di bawah fasal (1)(2) UUK 38.
5. Menimbang dan meluluskan kajian semula belanjawan tahun 2025 dan anggaran belanjawan tahun 2026 serta subsidiari-subsidiari koperasi.
6. Meluluskan elaun kepada Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman, Pengerusi dan Setiausaha Kawasan serta saraan kepada Anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari atau subsidiari-subsidiari Koperasi.
7. Meluluskan pelantikan tidak lebih empat (4) panel firma audit untuk mengaudit akaun-akaun koperasi.
8. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan koperasi tidak lebih RM 100 juta bagi tahun 2025 dan 2026 serta menetapkan had keterhutangan pinjaman luar tidak lebih RM 100 juta pada kadar faedah semasa pasaran.
9. Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang perwakilan dan empat (4) orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 100.
10. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan.

Dengan Perintah
Lembaga Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad


AZLAN B. ALIAS
SETIAUSAHA

Kuala Lumpur
Bertarikh: 12 Jun 2025
15 Zulhijjah 1446H

sk
i. Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Wilayah Negeri Selangor.

Nota : Buku Laporan Tahunan 2024 untuk Perwakilan akan diedar melalui Pengerusi dan Setiausaha Kawasan masing-masing.